

Latihan 3:

Seretkan penjodoh bilangan yang sesuai di bawah ke dalam format karangan Cerita mengikut perenggan.

batang pohon kayu	biji gelas	batang jalan	gumpal awan	buah rumah
utas jam tangan	kereta	kawan burung	ketul ais	rambutan
segugus	potong	sesikat	ekor monyet	sebidang tikar

Seronoknya Keluarga Amar

Keluarga Amar sering melakukan aktiviti rekreasi pada hujung minggu dan musim cuti sekolah. Baru-baru ini, mereka berkunjung ke Hutan Lipur Lata Bayu, Baling, Kedah.

Encik Zakaria memandu keretanya melalui se_____ kampung. Terdapat se_____ tradisional Melayu di kawasan itu.

Encik Zakaria meneruskan pemanduannya. Ketika itu, hari masih pagi lagi. Encik Zakaria melihat jam tangan yang dipakainya. Se_____ berwarna putih itu merupakan hadiah pemberian isterinya. Beliau memandu _____ dengan berhati-hati melalui jalan yang sunyi.

Di tepi jalan itu terdapat beberapa _____ yang rendah. Beberapa _____ bergayut di atas pokok. Cuaca pada hari itu amat baik. Kelihatan beberapa _____ sedang terbang. Beberapa _____ putih menghiasi ruang langit yang biru. Amar sekeluarga bergambar di hadapan pintu masuk ke Hutan Lipur Lata Bayu.

Setelah tiba di kawasan perkemahan, ibu Amar membentangkan _____ mengkuang. Kemudian, beliau pun menghidangkan bekal makanan yang dibawa. Beliau meletakkan _____ buah langsung, seikat _____, _____ pisang dan beberapa _____ kek. Beberapa _____ pula diletakkan di sekeliling makanan itu. Selepas itu, beliau memasukkan beberapa _____ ke dalam jag yang berisi minuman. Akhirnya hidangan yang enak tersedia di hadapan mata.

Setelah menikmati makanan, Amar sekeluarga bermandi-manda dengan gembiranya. Perkelahan tersebut bukan sahaja menggemirakan tetapi juga mengeratkan hubungan kekeluargaan. Amar dan Irfan berasa seronok kerana dapat beriadah bersama-sama dengan keluarganya.